

23/11/1998

Kunjungan Gore, Albright tinggal memori hitam

Mohamad Nasir Iskandar

ANGKUH, bongkak, sombong, hipokrit dan dajal. Itulah dasar politik yang diamalkan oleh Kerajaan Amerika demi mencapai status pemerintah demokrasi dunia masa kini.

Mereka sengaja menunjuk-nunjukkan kekuatan serta keegoan pada mata dunia. Kononnya mereka sudah berasa gah bahawa tiada kuasa lain di dunia ini yang dapat menyaingi mereka.

Baru-baru ini, Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore menunjukkan sikap kurang ajar beliau di depan perwakilan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada satu majlis jamuan makan malam. Peristiwa itu berlaku di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan menyatakan sokongan terbuka beliau kepada gerakan reformasi, rakyat dan Kerajaan Malaysia pasti tidak senang hati dibuatnya. Masakan tidak, sebagai tuan rumah persidangan Apec, Malaysia sudah tentu menjadi tumpuan seluruh dunia.

Ucapan beliau menimbulkan pelbagai reaksi negatif dan tanda tanya akan kewibawaan beliau sebagai orang kuat nombor dua di Amerika Syarikat.

Setiausaha Negara Amerika, Madeleine Albright juga tidak kurang hebat mempamerkan kebiadaban beliau pada sidang kali ini.

Mujur juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz bijak memulangkan paku buah keras kepada beliau. Al Gore dan Albright memang sepatutnya diajar mengenai budaya orang Timur.

Kalau mereka itu anak kita, mungkin mulut mereka sudah kena sumbat lada.

Adakah patut kita merelakan orang asing yang masuk ke rumah kita, memerintah itu dan ini, menentukan siapa yang berhak atau tidak, mencaci cerca pihak kerajaan, mengajar perkara yang tidak senonoh dan sebagainya.

Mereka ingat rakyat Malaysia boleh diperbodohkan atau diperkotak-katikan sewenang-wenangnya.

Memang dasar perangai koboi, kalau cara kasar tidak berjaya, cara halus mereka guna.

Pernah mereka menyuarakan hasrat untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap kita. Kononnya undang-undang mereka sah diguna pakai di mana-mana.

Adakah logik undang-undang koboi yang tiada kena mengena dengan kita boleh diterima pakai di negara kita yang berdaulat? Apa hak mereka terhadap kita?

Mereka mencanang ke sana ke mari memperjuangkan hak kebebasan individu bersuara, hak asasi manusia dan entah apa-apa lagi kempen merapu mereka di seluruh negara. Tetapi keadaan negara mereka sendiri mereka tidak mampu menanganinya.

Masalah perkauman masih berlaku di sana sini. Ketidakadilan sistem perundangan mereka masih nyata. Masyarakat kulit putih masih memandang rendah kedudukan kaum lain. Itupun mereka masih cuba berselindung dengan menafikan atau menganggap ia hanya perkara kecil.

Mungkin kerana masalah dalaman mereka tiada penghujungnya, maka mereka berasa cemburu terhadap negara-negara yang aman dan makmur seperti Malaysia lantas cuba menjatuhkan kerajaan yang ada agar segala agenda mereka yang jahat terlaksana. Tembelang Amerika bolehlah dikatakan sudah pecah.

Secara tidak langsung ucapan Naib Presiden Amerika itu yang dibuat secara terbuka menyokong reformasi seperti sudah dijangka, mungkin menjadi dalang di sebalik gerakan reformasi di negara ini.

Kerajaan pula seharusnya mencari punca kegiatan rakyat tempatan yang beroperasi dari dalam negara serta menghapuskan sama sekali sokongan pihak terbabit dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah untuk diadili.

Perbuatan merusuh di jalanan, membakar harta benda awam, memukul anggota polis yang ditugaskan menjaga ketenteraman awam dan menjerit pekik meminta keadilan seolah-olah bagaikan orang yang tiada pedoman dan tidak tahu menjaga nilai budaya bangsa Malaysia.

Adalah lebih baik dihentikan saja kerja yang sia-sia itu kerana ada pihak yang memang suka bangsa Malaysia berpecah belah supaya mereka boleh mencampuri urusan dalaman kita dan seterusnya menguasai negara kita.

Apabila ini terjadi, mereka yang selama ini menyanjung kegagahan Amerika sebagai penyelamat boleh jadi menjadi budak suruhan kepada tuan baru mereka.

Segala kekayaan yang sebelum ini mereka raih, menjadi milik orang asing. Tiada satupun menjadi hak milik mereka.

Tatkala itu kita kembali ke zaman penjajahan.

Bersusah payah pejuang bangsa Malaysia menuntut kemerdekaan ketika itu dan senang-senang pula pengkhianat negara menyerahkan semula kepada musuh negara. Bila negara sudah menjadi tunggang terbalik, penyesalan mereka sudah terlambat. Cubalah fikir sejenak!

Kunjungan Gore dan Albright akan menjadi satu memori hitam pada setiap hati sanubari rakyat Malaysia yang pasti kekal selama-lamanya.

Ia juga memberi pengajaran kepada rakyat Malaysia bahawa budaya koboi yang bersifat bongkak, angkuh, sombong dan dajal dunia, tidak sesuai dipraktikkan oleh mana-mana negara Timur.

Akhir sekali serangkap pantun ini ditujukan khas kepada mereka berdua:

Al Gore, Albright orang ternama,

Nama besar tapi tak guna

Mengkritik orang pandai aje,

Cis, negara sendiri tak tahu nak jaga.